



# BERITA

## MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 34 MENGISTIHAR DIVIDEN 10%

Kuala Lumpur 14 Jun 2015: Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Yang Ke 34 (“Mesyuarat Agung”) Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (“KPF”) telah diadakan pada hari Ahad, 14 Jun 2015, jam 10.00 pagi di Dewan Bankuet, Menara Felda, Platinum Park, No. 11, Persiaran KLCC, Kuala Lumpur.

Mesyuarat Agung ini dipengerusikan oleh Y.Bhg. Datuk Hanapi Suhada, Pemangku Pengurus KPF merangkap Pengarah Besar FELDA. Mesyuarat ini dihadiri seramai 1,456 Perwakilan dari seluruh negeri.

### AGENDA MESYUARAT AGUNG

Mesyuarat Agung kali ini telah membentangkan 13 agenda termasuk meluluskan penyata kewangan tahun 2014, menetapkan kadar dividen tahunan, memilih anggota Lembaga sesi 2015/2016, meluluskan cadangan bajet 2016, menimbang dan meluluskan cadangan skop dan had pelaburan serta had maksimum keterhutangan tahun 2015 dan menimbang serta meluluskan cadangan pindaan undang-undang kecil.

### ANGGOTA DAN MODAL SYER

Jumlah anggota baru bertambah seramai 6,221 anggota kepada 273,421 (2013:269,250) mencatatkan peningkatan sebanyak 1.55%. Modal syer anggota pula telah mengalami pertambahan bersih sebanyak RM270.69 juta melonjak kepada RM2,706.94 juta (2013:RM2,525.99 juta) iaitu mencatatkan pertambahan sebanyak 7.16%.

Kumpulan Peneroka yang merupakan 88.68% daripada keseluruhan jumlah anggota, kekal sebagai pemegang terbesar modal syer iaitu RM1,972.66 juta (2013:RM1,829.08 juta) atau 72.87% daripada keseluruhan jumlah modal syer anggota.

Anggota daripada Kumpulan Kakitangan pula iaitu seramai 30,949 anggota (2013:30,890), yang merupakan 11.32% daripada keseluruhan jumlah anggota KPF memegang sebanyak RM734.28 juta (2013:RM696.91 juta) ataupun 27.13% daripada keseluruhan modal syer anggota.

## **PELABURAN**

Pelaburan KPF telah meningkat kepada RM5,388.66 juta dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.67% bernilai RM140.3 juta berbanding tahun lalu (2013:RM5,248.36 juta).

Pelaburan terbesar adalah dalam Syarikat Kumpulan FGV bernilai RM1,657.25 juta ataupun 30.75% daripada jumlah keseluruhan dana pelaburan, diikuti dengan pelaburan Deposit Berjangka RM1,198.60 juta (22.24%), Pasaran Sekuriti RM989.06 juta (18.35%), Hartanah RM751.69 juta (13.95%), Perladangan RM245.37 juta (4.55%), Syarikat Luar/Usahasama RM173.03 juta (3.21%), Perkhidmatan Kewangan RM116.93 juta (2.17%), Akaun Amanah-ARB RM113.68 juta (2.11%), Modal Syer Bank Koperasi RM58.06 juta (1.08%), dan Pasaran Sukuk RM50.45 juta (0.94%) dan Syarikat Kumpulan KPF RM34.53 juta (0.64%).

Aktiviti pelaburan telah menghasilkan perolehan berjumlah RM1,045.97 juta (2013:RM3,166.26 juta, jumlah ini

termasuk perolehan luar biasa hasil jualan 51% ekuiti FHB).

## **KEUNTUNGAN**

Keuntungan bersih bagi tahun 2014 berjumlah RM275.49 juta mencatatkan penurunan sebanyak RM1,490.29 juta berbanding tahun 2013 yang berjumlah RM1,765.78 juta.

## **ZAKAT PERNIAGAAN**

Pada tahun ini KPF membayar zakat perniagaan sebanyak RM4.10 juta, berbanding RM14.0 juta pada tahun lalu.

## **DIVIDEN**

Perwakilan sebulat suara meluluskan dividen bagi tahun kewangan 2014 dibayar 10% berjumlah RM266.61 juta.

## **PERANCANGAN MASA DEPAN**

KPF akan memberi fokus kepada sektor-sektor yang berdaya maju seperti perladangan, perkhidmatan kewangan dan khidmat kesihatan.